



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (14)

SIARAN MEDIA

BAKAT MUDA SEZAMAN KE-29: PENYERTAAN DIBUKA UNTUK SENIMAN MUDA MALAYSIA

1 OKTOBER 2025 – Balai Seni Negara dengan sukacitanya mengumumkan bahawa penyertaan bagi pertandingan seni visual berprestij, **Bakat Muda Sezaman edisi ke-29 (BMS29)**, yang menjadi medan pengiktirafan seniman muda kontemporari Malaysia, kini dibuka. Sejak tahun 1974, BMS telah menjadi wadah penting dalam mengetengahkan bakat baharu seni visual tempatan.

Edisi kali ini memperkenalkan pendekatan “Lokasi Spesifik” (*Site-Specific*), dengan Langkawi dipilih sebagai latar utama pengkaryaan. Peserta berpeluang mencipta karya yang berakar pada sejarah, budaya, ekologi serta kisah rakyat setempat. Penyertaan dibuka secara percuma kepada warganegara Malaysia dan pemastautin tetap berumur antara 18 hingga 35 tahun pada tahun ini.

Lokasi cadangan telah dibahagikan kepada lima kelompok, iaitu Kelompok A (Tugu & Taman CHOGM, Pantai Lagenda, Jeti Pelancongan Kuah), Kelompok B (Pulau Tuba), Kelompok C (Hospital Lama Kuah, Kuarters Lama Hospital Kuah, Tapak 0 Kilometer), Kelompok D (Pasar Awam Kuah) dan Kelompok E (Projek Perumahan Rakyat Anggerik Lestari).

Peserta bebas mengemukakan karya berbentuk fizikal, digital, persembahan, interaktif atau media campuran, sama ada secara individu, berkumpulan atau melalui kolaborasi bersama komuniti setempat di Langkawi. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 7 Oktober 2025 jam 5.00 petang, dengan pengumuman peserta terpilih dijadualkan pada 14 Oktober 2025.

Peserta yang terpilih akan mengikuti Bengkel BMS29 di Langkawi pada 15 hingga 25 November 2025. Sepanjang bengkel ini, peserta akan dibimbing oleh kurator dan fasilitator berpengalaman bagi memperhalusi cadangan karya mereka. Pemasangan karya akan bermula pada Mac 2026 dan seterusnya diikuti dengan sesi penjurian,

pengumuman pemenang serta pelancaran pameran pada April 2026. Para seniman muda yang berminat boleh mengisi borang secara dalam talian dan menghantar cadangan karya beserta dokumen sokongan melalui laman rasmi **www.artgallery.gov.my/bms**.

Dalam pada itu, bagi memberi peluang kepada bakal peserta untuk memahami dengan lebih jelas tentang BMS29, Balai Seni Negara akan menganjurkan sesi taklimat pada 1 hingga 3 Oktober serta 6 dan 7 Oktober 2025, dari jam 3.00 hingga 4.00 petang. Sesi ini akan diadakan secara fizikal di Balai Seni Negara serta turut disiarkan melalui platform media sosial rasmi.

Jangan lepaskan peluang untuk menjadi sebahagian daripada pertandingan seni kontemporari luar biasa ini dan mengangkat idea serta karya anda ke peringkat yang lebih tinggi bersama BMS29. Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi urus setia melalui e-mel bakatmudasezaman@artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala

Lumpur Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my